

DASAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TERHADAP **CIPLAKAN**



DASAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TERHADAP CIPLAKAN

1. MUKADIMAH

- 1.1 Reputasi sesebuah institusi akademik bergantung kepada keupayaan institusi tersebut untuk mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik melalui pelaksanaan kejujuran dan integriti akademik. Integriti akademik adalah berasaskan kepercayaan, kesaksamaan, rasa hormat dan kebertanggungjawaban, yang membentuk asas kepada kesemua hasil karya akademik. Nilai-nilai integriti memandu tingkah laku setiap warga Universiti termasuk pelajar, pensyarah, penyelidik dan pentadbir Universiti Sains Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Universiti”).
- 1.2 Salah satu aspek hilangnya integriti akademik adalah ciplakan yang merupakan perbuatan seseorang secara tidak jujur, sama ada secara bertulis atau sebarang medium lain, bahawa sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberi penghargaan atau rujukan jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.
- 1.3 Dasar Universiti terhadap Ciplakan (selepas ini dirujuk sebagai “Dasar ini”) menerangkan komitmen jitu Universiti untuk menegakkan integriti akademik berkaitan dengan ciplakan. Dasar ini akan menjadi sumber kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik berkait dengan ciplakan.
- 1.4 Dasar ini hendaklah dianggap sebagai peraturan Universiti dan boleh dijadikan asas sekiranya mana-mana warga Universiti melanggar mana-mana peraturan Dasar ini.
- 1.5 Sebahagian besar daripada kerja dan karya akademik dan penyelidikan adalah dalam bentuk penulisan dan Universiti komited untuk mencegah ciplakan.

2. SKOP DAN APLIKASI DASAR

- 2.1 Dasar ini terpakai kepada semua pelajar, bekas pelajar, staf dan bekas staf termasuk staf akademik, staf bukan akademik, staf penyelidikan, staf kontrak, staf sementara, fello pascakedoktoran, sarjana pelawat dan/atau mana-mana orang yang sedang berkhidmat, telah tamat berkhidmat atau telah menamatkan pengajian di Universiti.
- 2.2 Universiti mengambil berat setiap aduan dan kesalahan berkaitan ciplakan dan sekiranya terbukti bersalah, Universiti boleh mengenakan hukuman tatatertib yang setimpal.
- 2.3 Semua warga Universiti hendaklah diberi maklum dan dikemas kini tentang pendirian Universiti terhadap ciplakan melalui taklimat/kursus/seminar/bengkel kesedaran dan pendidikan seperti dinyatakan di dalam Seksyen 7 (Mencipta Kesedaran dan Pendidikan). Dasar ini menggalakkan semua surat pelantikan staf akademik dan bukan akademik, surat aku janji pelajar, surat jemputan sarjana pelawat, pascakedoktoran dan fello hendaklah memasukkan satu perenggan khas berkenaan pematuhan Dasar Universiti terhadap ciplakan dan akujanji pengakuan bahawa semua warga Universiti memahami dan akan mematuhi terma-terma yang digariskan di dalam Dasar ini.

- 2.4 Ciplakan ditakrifkan sebagai satu perbuatan membentang, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan ciplakan termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:
- (a) Memetik secara ciplakan verbatim atau pereplikaan kata demi kata, hasil karya orang lain.
 - (b) Memparafrasa karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata, tanpa memberi perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya.
 - (c) Menghantar karya orang lain secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai karya sendiri.
 - (d) Auto-ciplakan (*auto-plagiarism*) atau ciplakan sendiri (*self-plagiarism*) karya sendiri, yang telah diterbitkan atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baru tanpa memetik kandungan asal.
 - (e) Perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyemak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan/atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenalpasti sumbangsan penulis asal dalam karya yang diserahkan itu.
 - (f) Apa apa perbuatan lain, yang pada pendapat Pihak Berkuasa Universiti, tergolong di dalam takrifan ciplakan.

3. DASAR DAN PRINSIP

Dasar ini hendaklah dirujuk bersekali dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan Universiti yang lain, termasuk semua pindaan yang berkaitan. Dasar ini menyokong, tetapi tidak mengetepikan atau menggantikan hak dan kewajipan staf dan pelajar di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Malaysia.

3.1 Tujuan

Dasar ini mempunyai objektif seperti berikut:

- (a) mencipta dan menanamkan kesedaran dalam kalangan warga Universiti tentang kejujuran integriti akademik dan penyelidikan, nilai etika dan amalan baik. Staf dan pelajar Universiti hendaklah menyedari dan berupaya mengenalpasti bahawa ciplakan adalah satu pelanggaran etika dan integriti yang boleh mencemarkan reputasi dan nama Universiti.
- (b) menyenggara rekod kesalahan perbuatan ciplakan dalam Daftar Integriti Akademik Universiti oleh Bahagian Pengurusan Akademik bagi:

- (i) pelajar - merekodkan kesalahan dan rekod akan disimpan dan diselenggarakan dalam daftar ini selama tempoh 20 tahun.
- (ii) staf - merekodkan kesalahan dan rekod akan disimpan dan disenggarakan dalam daftar ini selama perkhidmatannya dan untuk tempoh minimum 20 tahun selepas persaraan/peletakan jawatan/penamatan perkhidmatan.

3.2 Amalan Integriti Akademik yang Baik

(a) Integriti Akademik

Semua pihak hendaklah membantu Universiti untuk mencegah sebarang salah laku yang merangkumi salah guna data, mencuri idea atau ciplakan secara terang-terangan, ciplakan dengan sengaja dan/atau gagal bertindak dengan jujur dan berintegriti di dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penciptaan, perkembangan, aplikasi dan penggunaan ilmu pengetahuan, idea dan maklumat berhubung dengan karya orang lain.

(b) Harta Intelek

Universiti komited untuk menjaga harta intelek Universiti termasuk semua aset yang tercipta daripada penyelidikan, inovasi, rekacipta dan output kreatif Universiti serta pengurusan, penciptaan, perlindungan, pengkomersilan, eksplorasi dan pengembangan hak-hak yang sepertinya.

3.3 Kesaksamaan dan Keadilan Asasi

- (a) Dasar ini akan mematuhi prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan bagi semua warga Universiti serta pihak yang terlibat. Bagi memastikan amalan daripada prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi dilaksanakan, Universiti akan mengambil kira peruntukan perundangan terutamanya di bawah Perlembagaan dan Statut Universiti.
- (b) Semasa menjalankan siasatan terhadap seseorang yang dituduh melakukan ciplakan, Universiti hendaklah mematuhi prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi, khususnya:
 - (i) Akan memberikan kepada pihak yang dituduh secara bertulis, perincian tentang dakwaan salah laku terhadap dirinya, termasuk satu salinan sebarang dokumen yang diserahkan sebagai bukti oleh pihak pengadu;
 - (ii) Akan memberikan kepada pihak yang dituduh peluang untuk didengar;
 - (iii) Boleh membenarkan pihak yang dituduh untuk menghadirkan diri sesi inkuriri; dan
 - (iv) Akan memberikan kenyataan sebab bagi sebarang keputusan, yang akan termasuk satu perihalan fakta dan bukti yang menjadi asas kepada keputusan yang dibuat.

4. TATACARA

4.1 Aduan

Mana-mana pihak adalah berhak untuk membuat aduan terhadap apa jua perkara yang disyaki mempunyai unsur ciplakan yang berkaitan dengan warga Universiti atau apa juga yang berkaitan dengan mantan warga Universiti yang menghasilkan penerbitan semasa berkhidmat dengan Universiti.

4.2 Mengendalikan Pertuduhan

Sebaik aduan berkenaan ciplakan diterima oleh Universiti, maka aduan tersebut akan dikendalikan mengikut tatacara seperti berikut:

- (a) Ombudsman Universiti akan membuat penyiasatan awal berkenaan sesuatu aduan ciplakan yang dirujuk kepadanya. Ombudsman akan kemudiannya memberikan pandangan berkenaan pertuduhan ciplakan tersebut sama ada mempunyai asas dan merit untuk siasatan selanjutnya.
- (b) Hanya selepas Ombudsman memberikan pendapat bahawa sesuatu aduan tersebut mempunyai asas untuk penyiasatan lanjut, maka Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan Universiti akan bersidang untuk menyiasat pertuduhan berkaitan dengan ciplakan tersebut.
- (c) Naib Canselor mempunyai kuasa untuk mengarahkan mana-mana pegawai Universiti yang berkenaan untuk membuat penyiasatan awal berkenaan sesuatu aduan ciplakan yang dirujuk kepada Universiti. Pegawai berkenaan akan kemudiannya memberikan pandangan berkenaan pertuduhan ciplakan tersebut sama ada mempunyai asas dan merit untuk siasatan selanjutnya. Hanya selepas pegawai berkenaan memberikan pendapat bahawa sesuatu aduan tersebut mempunyai asas untuk penyiasatan lanjut, maka Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan Universiti akan bersidang untuk menyiasat pertuduhan berkaitan dengan ciplakan tersebut.
- (d) Pada semua peringkat di atas, kerahsiaan yang ketat hendaklah dipelihara terutamanya pada situasi pengadu ingin mendapatkan perlindungan dibawah klausula Pemberi Maklumat (*whistleblower*).

4.3 Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan

- (a) Penyiasatan berhubung ciplakan akan dianggap perlu apabila sesuatu kes dilaporkan kepada Pihak Berkua Universiti dan diakui mempunyai asas oleh Ombudsman. Apabila mengendalikan sesuatu penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan akan mematuhi **Tatacara Pengendalian Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan (LAMPIRAN 5)**.
- (b) Tertakluk kepada pendapat Ombudsman dan/atau pegawai berkenaan, Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan akan mengendalikan semua inkurir dan siasatan berkaitan ciplakan yang dirujuk kepada Jawatankuasa.
- (c) Pengurus Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan adalah Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi.
- (d) Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan terdiri daripada:

- (i) Sekurang-kurangnya Empat (4) orang pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor;
 - (ii) Dekan/Pengarah Pusat Tanggungjawab yang mana staf/pelajar yang dituduh atau wakilnya;
 - (iii) Pengarah CDAE;
 - (iv) Penasihat Undang-Undang atau wakilnya;
- (e) Setiausaha Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan ialah Pendaftar atau wakil di Bahagian Pengurusan Akademik.

4.4 Jawatankuasa Pemandu Dasar

- (a) Hendaklah wujud satu Jawatankuasa Pemandu Dasar yang dilantik oleh Naib Canselor sebagai pihak berkuasa pelaksanaan Dasar ini dan Jawatankuasa Pemandu Dasar berperanan memantau, menyelia dan mengawal semua perkara yang berkaitan dengan ciplakan.
- (b) Keahlian Jawatankuasa Pemandu Dasar adalah seperti berikut:
 - (i) Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa sebagai Pengerusi;
 - (ii) Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi sebagai Timbalan Pengerusi;
 - (iii) Dua (2) wakil Senat Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor;
 - (iv) Penasihat Undang-Undang;
 - (v) Ombudsman;
 - (vi) Dekan, Institut Pengajian Siswazah;
 - (vii) Pengarah, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik;
 - (viii) Seorang (1) wakil daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran;
 - (ix) Pendaftar atau wakil sebagai Setiausaha.
- (c) Jawatankuasa Pemandu Dasar hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- (d) Urusetia Jawatankuasa Pemandu Dasar ialah Bahagian Pengurusan Akademik.
- (e) Jawatankuasa Pemandu Dasar boleh mempunyai perintah tetapnya sendiri di dalam menguruskan Jawatankuasa Pemandu Dasar.
- (f) Jawatankuasa Pemandu Dasar boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuklah mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat dan mempunyai hak melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Dasar.

5. TAHAP CIPLAKAN

Sesuatu aduan berkaitan Ciplakan hendaklah disiasat dari semua sudut termasuklah:

- (a) Darjah kesamaan [kuantitatif] seperti yang ditentukan oleh perisian pengesan;
- (b) Tahap ciplakan [kualitatif/deskriptif] (**LAMPIRAN 6: Tahap Ciplakan**);
- (c) Signifikanan Ciplakan (**LAMPIRAN 7: Garis Panduan Bagi Menentukan Kegentingan dan Keertian Sesuatu Aduan Ciplakan**);
- (d) Niat dan/atau motivasi individu yang dituduh berkenaan;
- (e) Faktor mitigasi seperti:
 - (i) peringkat/tahap program akademik;
 - (ii) bilangan kesalahan lalu;
 - (iii) latar belakang akademik/pendidikan individu yang dituduh berkenaan;
- (f) Kelaziman akademik dalam bidang yang berkaitan;
- (g) Impak sesuatu kesudahan terhadap perkembangan kerjaya, pendidikan atau pembelajaran seseorang; dan
- (h) Pemahaman individu yang dituduh berkenaan integriti akademik.

5.1 Tahap Ciplakan

Universiti berhak mengambil mana mana satu atau gabungan tindakan berikut sekiranya tahap ciplakan berada pada tahap berikut:

Tahap Satu

Takat ciplakan pada tahap ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada petikan, perujukan atau pemparafrasaan yang tidak lengkap atau mengelirukan, bukan kerana niat untuk menipu. Pada tahap ini, ciplakan berlaku kerana kurangnya pengetahuan tentang ciplakan, cara menyesuaikan diri dengan kehendak kejujuran dan integriti akademik, atau kerana kecuaian atau pengabaian. Pada tahap ini, ciplakan tidak dianggap menjurus kepada salah laku akademik. Jika ia tergolong dalam Tahap Satu, maka pesalah berulang akan dikelaskan semula sebagai pesalah Tahap Dua atau Tahap Tiga.

Tahap Dua

Takat ciplakan pada tahap ini termasuklah perbuatan meniru dan/atau menipu walaupun individu yang dituduh mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kejujuran dan integriti akademik. Ia juga akan dikelaskan sebagai Tahap Dua berlaku apabila jelas bahawa ada niat untuk memperdaya atau menipu melalui ciplakan. Ciplakan pada tahap ini dianggap satu daripada salah laku akademik.

Tahap Tiga

Takat ciplakan pada tahap ini termasuk karya yang ditiru, yang terhasil daripada niat yang jelas untuk memperdaya melalui ciplakan. Ciplakan Tahap Tiga dianggap sebagai salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Dua akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Tiga.

Tahap Empat

Takat ciplakan pada tahap ini melebihi keraguan munasabah yang termasuk kerja diciplak yang substantif, yang terbukti daripada kesamaan yang banyak (sepertimana yang dibuktikan melalui perisian pengesan yang boleh dipercayai), yang timbul daripada niat menipu yang tidak dapat dinafikan. Ciplakan Tahap Empat dianggap salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Tiga akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Empat.

6. PERISIAN PENGESAN

Universiti menggalakkan secara aktif penggunaan perisian teknologi sebagai mekanisme mencegah dan mengesan ciplakan. Universiti sentiasa memantau dan menambahbaik penggunaan dan pelaksanaan perisian-perisian ini dari semasa ke semasa bagi memastikan keperluan dan kepentingan warga akademik dan pelajar Universiti dipelihara.

6.1 Perisian

Perisian yang direka bentuk bagi mengesan dan melaporkan peratusan kesamaan, berasaskan algoritma khusus, yang terdapat sama ada secara komersial atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, peratusan kesamaan tidak secara mutlaknya menunjukkan peratusan ciplakan.

6.2 Tujuan Perisian

Tujuan penggunaan perisian pengesan ini di Universiti adalah seperti berikut:

- (a) memantau perbuatan Ciplakan;
- (b) mengehadkan atau mencegah amalan Ciplakan;
- (c) membantu warga akademik dalam sesetengah aspek etika penerbitan;
- (d) memudahkan penyiasatan kejadian Ciplakan;
- (e) mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan staf tentang amalan akademik yang baik.

6.3 Penggunaan Perisian Pengesan

(a) Mendidik Pengguna tentang Penggunaan Perisian Pengesan yang Betul

- (i) Pengguna digalakkan memahami manfaat daripada penggunaan perisian pengesan.
- (ii) Sesuatu “laporan keaslian” yang dijana oleh sesetengah perisian pengesan dapat dijadikan sebagai panduan, bukan penilaian muktamad keaslian karya. (**Nota:** Peratusan kesamaan tidak menunjukkan peratusan Ciplakan).

(b) Tanggungjawab Pengguna

Ketika menggunakan perisian pengesan, pengguna haruslah diberi peringatan untuk menggunakannya dengan penuh tanggungjawab. Pengguna perlu memahami tujuan penggunaan perisian-perisian pengesan ini.

1) Pelajar

- (a) Pelajar hendaklah memahami piawaian Universiti terhadap kejujuran akademik dan ciplakan.
- (b) Untuk memastikan pelajar tidak bergantung kepada perisian pengesan dan/atau menyalahgunakannya dengan cara yang mungkin memesongkan mereka daripada menghayati dan memahami kekudusan ilmu, Universiti mengambil pendekatan bersifat pendidikan bagi pelajar, berhubung dengan cara mereka menggunakan perisian pengesan ini.

2) Staf

- (a) Amalan integriti akademik yang tinggi hendaklah difahami dan diamalkan oleh semua staf Universiti.
- (b) Universiti mengambil pendekatan mendidik staf menggunakan perisian ini untuk mencapai kesarjanaan akademik yang bermutu.
- (c) Sesuai dengan amalan akademik yang baik, staf hendaklah diingatkan bahawa penggunaan perisian ini bukanlah satu pengganti, tetapi satu tambahan untuk penyeliaan yang baik.

7. KESEDARAN DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN BERKENAAN CIPLAKAN

Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE) adalah bertanggungjawab untuk menyelia program kesedaran dan pendidikan yang berkaitan dengan Dasar Terhadap Ciplakan ini.

Proses penciptaan kesedaran dan pendidikan hendaklah ditumpukan kepada usaha-usaha:

- (a) mencegah ciplakan;
- (b) menerangkan implikasi dan inferensi ciplakan semasa proses penulisan;
- (c) memberi penerangan tentang proses yang terlibat sebaik sahaja ciplakaan dikesan; dan
- (d) mentafsirkan dan memberi kefahaman tentang laporan perisian pengesan.

7.1 Pencegahan Ciplakan

CDAE bertanggungjawab merancang dan melaksanakan strategi bagi mencegah ciplakan dengan:

- (a) menanam satu budaya akademik yang memfokuskan kepada integriti akademik.
- (b) memastikan dan memahami pelbagai faktor akademik dan bukan akademik yang menjurus ke arah perbuatan ciplakan dan memperkenalkan langkah yang sesuai.
- (c) menubuhkan satu pasukan jurulatih yang berkelayakan untuk memberi taklimat berterusan berkenaan dasar dan tahap ciplakan kepada warga Universiti.

CDAE akan mengendalikan program latihan dan kesedaran kepada warga Universiti melalui:

- (a) Bengkel/Seminar/Kursus Jangka Pendek.
- (b) Kursus Integriti Akademik (kursus Universiti 1 unit; wajib bagi semua pelajar berdaftar).
- (c) Buku panduan.
- (d) Laman sesawang.
- (e) Pengumuman berkala.
- (f) Bahan publisiti.

7.2 Proses Penulisan

Memberikan kesedaran dan pendidikan berterusan berkenaan penulisan yang tidak menyalahi etika akademik.


8. PIHAK BERKUASA

Pemilik Dasar Ini	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC A&A)
Pegawai bertanggungjawab	Pegawai Tadbir Paling Kanan di Pejabat TNC A&A
Diperakukan oleh	Mesyuarat ke-219 Senat pada 21 Februari 2013
Dipinda pada	Mesyuarat ke-243 Senat pada 26 Januari 2017
Diluluskan oleh	Mesyuarat ke-91 Lembaga Gabenor Universiti (LGU) pada 16 April 2013 dan diluluskan semula pada mesyuarat ke-114 Lembaga Gabenor Universiti (LGU) pada 13 Februari 2017
Akta yang Berkuatkuasa	a. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) b. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia c. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) d. Kaedah Tatatertib Pelajar
Tarikh kuatkuasa	Semua aduan yang diterima selepas tarikh ini akan ditadbir oleh Dasar ini
Tarikh semakan semula	Dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan peraturan Senat sedia ada
Pihak yang boleh dihubungi untuk pertanyaan tentang Dasar	a. Institut Pengajian Siswazah b. Pejabat Perundangan c. Bahagian Pengurusan Akademik

Nota:


- 1) Naib Canselor boleh mengambil tindakan pentadbiran yang sesuai untuk melaksanakan Dasar ini agar selari dengan hasrat dan tujuan Dasar ini digubal dan dilaksanakan.
- 2) Sekiranya terdapat percanggahan versi, versi Bahasa Melayu akan diutamakan.

LAMPIRAN 1



Carta aliran tatacara mengendalikan pertuduhan salah laku Ciplakan. Carta Alir ini boleh dipinda oleh Naib Canselor Universiti pada bila-bila masa mengikut keperluan sesuatu aduan kes Ciplakan

LAMPIRAN 2



Carta aliran tatacara mengendalikan pertuduhan salah laku Ciplakan Tesis Sarjana/PhD Mod Penyelidikan.

Carta alir ini boleh dipinda oleh Naib Canselor mengikut kesesuaian sesuatu kes yang di rujuk kepada Universiti

LAMPIRAN 3

TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU CIPLAKAN

Pengenalan

Berikut adalah perincian tentang langkah yang perlu diambil sebaik sahaja perbuatan/kesalahan Ciplakan diadukan/dimaklumkan kepada Universiti.

Sebaik sahaja terbongkarnya salah laku Ciplakan

1. Pengadu hendaklah memfailkan satu aduan bertulis dengan menggunakan **Borang Aduan Ciplakan (LAMPIRAN 8)** kepada Ombudsman Universiti. Laporan tersebut mestilah bertulis dan hendaklah mengandungi:
 - i. dokumentasi yang ditandai untuk menunjukkan karya yang disyaki diciplak;
 - ii. dokumentasi sumber berkenaan (juga ditandai); dan
 - iii. sumbangan karya tersebut kepada gred keseluruhan karya berkenaan.
2. Ombudsman akan mengambil tindakan berikut:
 - i. Mengesahkan identiti pengadu dan individu yang dituduh;
 - ii. Menyusun bukti yang diserahkan;
 - iii. Memastikan kerahsiaan kes berkenaan;
 - i. Kes bersama-sama dengan bukti yang diserahkan akan dihantar kepada pegawai di Pusat Pengajian/Pusat/Institut individu yang dituduh dengan cara yang selamat.
 - Jika individu yang dituduh merupakan pelajar prasiswazah, pegawainya ialah Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Akademik). Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Dekan/Pengarah.
 - Jika individu yang dituduh ialah seorang pascasiswa, pegawainya ialah Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah). Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Dekan/Pengarah.
 - Jika individu yang dituduh ialah staf, pegawainya ialah Dekan/Pengarah. Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
3. Pusat Pengajian/Pusat/Institut boleh mengambil tindakan berikut:
 - i. Mengesahkan bahawa individu yang dituduh ialah ahli/bekas ahli/pelajar Pusat Pengajian/Pusat/Institut tersebut.
 - ii. Memaklumi Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut tentang pertuduhan dan identiti individu yang dituduh.
 - iii. Menggantung sementara markah penerbitan bagi karya yang dipersoalkan tersebut.

- iv. Memberitahu secara bertulis individu yang dituduh bahawa markahnya atau karyanya sedang di bawah penyiasatan kerana disyaki terlibat dengan Ciplakan dan menetapkan satu tarikh untuk individu berkenaan hadir pada satu siasatan.

Surat pemakluman tersebut hendaklah dihantar kepada staf/pelajar berkenaan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum tarikh siasatan berkenaan untuk memberi notis secukupnya. Lihat **Jemputan Menghadiri Siasatan (LAMPIRAN 10)**.

- v. Memberitahu individu yang dituduh secara bertulis haknya membela diri.
- vi. Membentuk satu Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan untuk menentukan sama ada kes tersebut harus dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf.

vii. Tatacara yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Penyiasatan:

- Kendalikan kes-kes disyaki dengan penuh kerahsiaan dan integriti.
- Tentukan tarikh siasatan;
- Patuhi tatacara berikut semasa siasatan:
 - Catat minit mesyuarat.
 - Pengerusi hendaklah menjelaskan pertuduhan, tatacara, hak untuk merayu dan memastikan individu yang dituduh memahami tatacara yang digariskan.
 - Memberi peluang kepada individu yang dituduh untuk memberi/menjelaskan pandangannya tentang pertuduhan tersebut dan jika berkaitan, membela tindakannya.
 - Pertimbangkan semua bukti dan penjelasan yang diberikan dan capai satu keputusan semasa mesyuarat tersebut untuk memastikan Keertian Ciplakan.
- Sebagai tambahan bagi faktor yang digariskan dalam Seksyen 5 (Tahap Ciplakan) Dasar Universiti terhadap Ciplakan, Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan hendaklah pertimbangkan perkara berikut:
 - Bilangan kesalahan lalu.
 - Dalam kes pelajar, peringkat pengajiannya dan pengetahuan tentang tatacara, amalan dan peraturan Universiti – sebagai contoh, pelajar prasiswazah atau pascasiswazah tahun akhir seharusnya lebih peka tentang isu-isu berkaitan Ciplakan dan Dasar Universiti terhadap Ciplakan.
 - Dalam kes staf, tempoh berkhidmat dengan Universiti dan kesedarannya tentang Dasar Universiti terhadap Ciplakan.
 - Peratus sumbangan karya tersebut kepada keseluruhan penilaian.
 - Keertian Ciplakan, umpamanya, beberapa baris atau satu perenggan boleh dianggap kecil, manakala beberapa perenggan dan tindakan sengaja dianggap sebagai lebih serius. Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan dinasihati supaya merujuk kepada **LAMPIRAN 6** berkenaan **Tahap Ciplakan**.

- viii. Jika kesalahan tersebut sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan tidak serius (Tahap 1), tindakan seperti berikut boleh dicadangkan:

- Beritahu individu yang dituduh secara bertulis tentang keputusan berkenaan.
- Keluarkan satu surat amaran.
- Kaunseling oleh Timbalan Dekan Pusat Pengajian/Pusat/Institut, Unit Integriti Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.

- Jika kesalahan itu melibatkan seorang pelajar, karya yang dipersoalkan hendaklah digredkan mengikut aturan biasa tanpa penalti.

Penyiasatan Jawatankuasa Penyiasatan dan semua bukti dan kertas berkaitan mestilah dilampirkan. Perincian tentang latar belakang pelajar/staf dan kemajuan dan syarat-syarat kursus atau program (jika berkaitan) boleh menggunakan **Borang Laporan Ciplakan (LAMPIRAN 11)**.

4. Jawatankuasa Tatatertib Staf/Pelajar akan:

- i. Meneliti laporan daripada Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan.
- ii. Memastikan Keertian Ciplakan dengan mempertimbangkan isu-isu yang digariskan sebelum ini bagi Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan.
- iii. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf bertindak mengikut AUKU (Seksyen 3), Perlembagaan Universiti 2011 (Seksyen 63 dan Seksyen 73 (I & II) dan kaedah Tatatertib Pelajar bagi pelajar-pelajar semasa dan pelajar-pelajar yang telah berijazah; Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) bagi staf.
- iv. Jawatankuasa dinasihat memastikan **Tahap Ciplakan** seperti diperihalkan dalam **LAMPIRAN 6**.
- v. Keputusan bagi kes-kes yang melibatkan Tahap 2 hingga 4, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah melaporkannya kepada Unit Integriti Akademik dan Pejabat Ombudsman supaya memasukkan nama pesalah ke dalam Daftar Akademik Pusat menggunakan **Borang Pengesahan Ciplakan (LAMPIRAN 9)**.
- vi. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf hendaklah memberitahu individu yang dituduh keputusannya secara bertulis dalam tempoh 14 hari bekerja (Lihat **Keputusan Tatatertib Staf/Pelajar** (**LAMPIRAN 12 dan 13**)). Individu yang dituduh hendaklah diberitahu tentang haknya untuk merayu kepada Universiti.

TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU CIPLAKAN TESIS SARJANA/PHD MOD PENYELIDIKAN/DISERTASI

Panduan bagi Pemeriksa dan Panel Pemeriksa Tesis

1. Jika seseorang pemeriksa (dalam atau luar) mengesyaki bahawa seseorang pelajar itu telah menciplak karya orang lain untuk tesis Disertasi/Sarjana/PhD, satu laporan bercetak yang memperincikan buktinya haruslah dibuat serta-merta kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) menggunakan **Borang Aduan Ciplakan Bagi Siswazah Mod Penyelidikan (LAMPIRAN 14)**.
2. Satu mesyuarat dan/atau viva voce Panel Pemeriksa Tesis boleh diadakan bagi membincangkan aduan selepas semua laporan pemeriksaan tesis diterima.
3. Panel Pemeriksa Tesis akan membincangkan aduan tersebut dengan mempertimbangkan takat kuantitatif dan kualitatif pertuduhan dan memutuskan sama ada ia boleh ditafsirkan sebagai amalan akademik yang tidak baik dan/atau satu perbuatan ciplakan. Semasa membuat keputusan, panel boleh mempertimbangkan dan mengenalpasti takat sumbangan pelajar berkenaan bagi karyanya yang dipersoalkan.
4. Jika kesalahan itu ditentukan sebagai tidak serius (Tahap 1) oleh Panel Pemeriksa Tesis, tindakan kaunseling oleh Unit Integriti Akademik atau Institut Pengajian Siswazah boleh dicadangkan oleh Panel Pemeriksa Tesis.
5. Jika kesalahan itu serius (Tahap 2 hingga 4), ciplakan disyaki, Panel Pemeriksa Tesis hendaklah menggantung sesi viva voce dan memaklumkan kepada pelajar tersebut tentang keputusan Panel.
6. Panel Pemeriksa Tesis akan melaporkan kepada IPS berkenaan penggantungan viva voce sekiranya aduan tersebut didapati berasas.
7. IPS akan merekodkannya dalam fail pelajar dan menyerahkan satu salinan laporan itu kepada Pejabat Ombudsman.
8. Pejabat Ombudsman akan merekodkan aduan tersebut dan jika kesalahan itu di Tahap 2 hingga 4, Ombudsman hendaklah merujuk pertuduhan itu kepada IPS semula bagi cadangan untuk penubuhan Jawatankuasa Siasatan Ciplakan.

LAMPIRAN 5

TATACARA PENGENDALIAN JAWATANKUASA SIASATAN CIPLAKAN

Apabila menjalankan penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan hendaklah

- i. menyemak dengan Unit Integriti Akademik sama ada individu yang dituduh telah melakukan kesalahan ciplakan sebelum ini.
- ii. berpegang kepada Dasar Universiti terhadap Ciplakan sebagai panduan.
- iii. mengumpul, menghimpun dan mengesahkan bukti daripada pengadu untuk menentukan sama ada satu kesalahan telah berlaku.
- iv. berpegang kepada **Senarai Semak Ciplakan (LAMPIRAN 15)** untuk memastikan bahawa penyiasatan dibataskan kepada karya ciplak yang dituduh sahaja.
- v. berpegang kepada **tempoh masa yang berpatutan untuk** memastikan penyiasatan berjalan pantas dan resolusi yang tepat telah diaplikasikan.
- vi. berpegang kepada **Garis Panduan Bagi Menentkan Kegentinginan Dan Keertian Sesuatu Aduan Ciplakan (LAMPIRAN 7)**.
- vii. merujuk kepada **Glosari Definisi (LAMPIRAN 16)** untuk menentukan jenis kesalahan.
- viii. memastikan bahawa siasatan dijalankan secara penuh kerahsiaan.
- ix. mengeluarkan satu surat bertulis kepada individu yang dituduh dan memintanya hadir untuk siasatan.
- x. memberikan peluang kepada individu yang dituduh untuk mendengar maklumat tentang pertuduhan.
- xi. memberi segala peluang kepada individu yang dituduh untuk mempertahankan dan membentangkan kesnya kepada Jawatankuasa Siasatan.
- xii. mengasaskan keputusan siasatan mereka semata-mata kepada maklumat yang diperoleh semasa penyiasatan, sebelum dan semasa siasatan.

Susulan daripada penyiasatan tersebut, jika

- i. ciplakan yang dituduh tidak terbukti telah dilakukan ataupun tidak disokong oleh maklumat/fakta, dakwaan itu akan ditolak dan individu yang dituduh akan diberitahu secara bertulis.
- ii. ciplakan yang dituduh terbukti telah dilakukan, Jawatankuasa Siasatan akan menyediakan cadangan bertulis untuk diserahkan kepada Universiti dan Jawatankuasa Tatatertib Universiti yang berkenaan untuk tindakan tatatertib.

TAHAP CIPLAKAN**LAMPIRAN 6****Tahap Kesignifikanan****Niat**

		Jahil	Niat sedikit	Sengaja
		Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
Sederhana	Signifikan	Tahap 2	Tahap 2	Tahap 3
	Tak Signifikan	Tahap 3	Tahap 3	Tahap 4

TAHAP CIPLAKAN

Nota: Rujuk **LAMPIRAN 7** untuk menentukan kegentingan ciplakan

LAMPIRAN 7

GARIS PANDUAN BAGI MENENTUKAN KEGENTINGAN DAN KEERTIAN SESUATU ADUAN CIPLAKAN

Sesuatu perbuatan ciplakan mungkin berlaku apabila:

1. Pembentangan, penyalinan, pemparafrasaan atau penyebaran idea, proses, karya, kata-kata orang lain atau sumber-sumber lain dengan penghargaan atau ucap jasa sekali sekala diberikan kepada sumber asal.
2. Terjemahan sesuatu karya/bahan daripada satu bahasa kepada bahasa lain dan balik kepada bahasa asalnya.
3. Tindakan kecil melibatkan pembentangan, penyalinan, pemparafrasaan atau penyebaran idea, proses, karya, kata-kata orang lain atau sumber-sumber lain tanpa memberi penghargaan atau ucap jasa yang sewajarnya kepada sumber asalnya.
4. Salah atribusi data.
5. pembentangan, penyalinan, pemparafrasaan atau penyebaran idea, proses, karya, kata-kata orang lain atau sumber-sumber lain tanpa memberi penghargaan atau ucap jasa yang sewajarnya kepada sumber asalnya.

LAMPIRAN 8

BORANG ADUAN CIPLAKAN

Tarikh:

**Seksyen A: Perincian tentang Individu yang Dituduh dan Aduan
(Untuk dihantar kepada Pusat Pengajian/Pusat/Institut oleh Pejabat Ombudsman)**

PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT : _____

NAMA : _____

NO. KAD PENGENALAN/PASPORT : _____

NO. TELEFON DAN E-MEL : _____

KATEGORI ADUAN : _____

PERINCIAN ADUAN : _____

-------	--	--

KANDUNGAN KESALAHAN : _____

Bab/Halaman	Sumber Ciplakan	Bentuk Ciplakan (cth., seluruh ayat/ perenggan)

Seksyen B: Perincian Pengadu
(Untuk disimpan oleh Ombudsman (BUKAN untuk dihantar kepada Pusat Pengajian/Pusat/Institut)

NAMA PENGADU :

NO. KAD PENGENALAN/PASPORT :

NOMBOR TELEFON/E-MEL :

TANDATANGAN : TARIKH:

ADAKAH ANDA MAHU DILINDUNGI DI BAWAH AKTA PEMBERI MAKLUMAT?

YA TIDAK (SILA TANDA)

LAMPIRAN 9

BORANG PENGESAHAN CIPLAKAN

Sila isikan maklumat berikut untuk memastikan satu rekod yang lengkap dan jitu dapat disimpan di Unit Integriti Akademik. Maklumat tambahan ini akan disimpan dalam satu pangkalan data dan digunakan bagi tujuan memantau dan mengenalpasti pelajar/staf yang telah pun didapati bersalah berkaitan Ciplakan di Pusat Pengajian/Pusat/Institut lain.

Nama	:	
Nombor Matriks	:	
Peringkat Pengajian	:	
Pusat Pengajian/Pusat/Institut :	:	
Program Pengajian	:	
Tugasan berkaitan	:	
Laporan diserahkan oleh	:	
Tarikh Laporan	:	
Ulasan	:	
Laporan Diterima oleh Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut	:	

LAMPIRAN 10

JEMPUTAN MENGHADIRI SIASATAN

Tarikh : :

Nama : :

Alamat : :

Nombor
Matriks/Staf : :

**JEMPUTAN MENGHADIRI SIASATAN OLEH JAWATANKUASA PENYIASATAN
TERHADAP PERTUDUHAN CIPLAKAN**

Tuan/Puan

Pihak Universiti telah menerima satu laporan yang diserahkan kepada Pejabat Ombudsman yang mengatakan bahawa <masukkan perincian karya yang dipersoalkan> telah diciplak daripada <satu sumber berdasarkan laman sesawang/karya diterbitkan/karya pelajar lain>.

Jawatankuasa dengan ini mengarahkan pihak tuan/puan hadir pada satu siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan pada <masukkan tarikh> pada <masukkan masa> di <masukkan lokasi>.

Sila hubungi <orang hendak dihubungi (nombor telefon)> sebelum <masukkan tarikh muktamad> untuk mengesahkan penerimaan surat ini dan bahawa tuan/puan akan hadir pada <masukkan tarikh siasatan> seperti dikehendaki.

Bersama surat ini dilampirkan satu salinan laporan dan dokumen sokongan (sekiranya relevan) untuk perhatian awal pihak tuan/puan.

Yang benar

Nama
(Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan)

s.k.

BORANG LAPORAN CIPLAKAN

(Untuk diisi oleh Jawatankuasa Penyiasatan apabila merujuk kes Ciplakan kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf)

Nama	
Nombor Matriks/Staf	
Pusat Pengajian/Pusat/Institut	
Peringkat Pengajian (sila tanda)	Prasiswazah <input type="checkbox"/> Siswazah <input type="checkbox"/>
Kursus	
Pertuduhan	
Laporan diserahkan oleh	
Sumbangan karya terhadap keputusan keseluruhan kursus (kadar % penilaian)	
Adakah Borang Perisyiharan Keaslian diserahkan bersama-sama penilaian karya yang dipersoalkan? Ya/Tidak (Jika Ya, sila lampirkan satu salinan)	
Keadaan yang harus diketahui, seperti rekod kehadiran yang buruk, keadaan peribadi	
Nasihat lepas yang diberikan kepada pelajar berhubung dengan ciplakan dsb (seperti, sila sertakan salinan atau URL bahagian yang relevan daripada buku panduan kursus)	
Tindakan diambil oleh Pusat Pengajian/Pusat/Institut	
Perincian relevan yang lain, termasuk sebarang insiden ciplakan yang lepas, yang ditangani oleh Pusat Pengajian/Pusat/Institut (Dirujuk kepada Daftar Integriti Akademik)	
Tandatangan	Tarikh

KEPUTUSAN TATATERTIB STAF

(Jawatankuasa Tatatertib Staf hendaklah menghantar kepada individu yang dituduh)

Tarikh :
Nama dan alamat :
Nombor Staf :

KEPUTUSAN JAWATANKUASA TATATERTIB STAF

Tuan/Puan

Saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib A/B/C/D/E Universiti Sains Malaysia telah bermesyuarat pada <masukkan tarikh mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib bersidang> bagi mendengar kes terhadap tuan/puan. Jawatankuasa Tatatertib Staf telah juga mengambil perhatian bahawa tuan/puan telah membuat **representasi bertulis** ke atas pertuduhan terhadap tuan/puan seperti berikut: <masukkan perincian-perincian pertuduhan>.

3. Setelah mendengar semua keterangan dan mengambil kira bukti-bukti, fakta kes, keterangan yang boleh diterimakan semasa perbicaraan dan juga rekod perkhidmatan tuan/puan, maka Jawatankuasa Tatatertib A/B/C/D/E mengikut Peraturan 35(4), Bahagian V, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), secara sebulat suara telah memutuskan bahawa tuan/puan adalah didapati **bersalah/tidak bersalah** atas pelanggaran tatatertib yang terkandung dan dinyatakan di dalam surat pertuduhan terhadap tuan/puan bertarikh 29 April 2011.

4. Seterusnya Jawatankuasa Tatatertib A/B/C/D/E mengikut Peraturan 40, Bahagian VI, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) secara sebulat suara telah menjatuhkan hukuman seperti yang berikut:

<nyatakan hukuman-hukuman tatatertib yang diputuskan oleh Jawatankuasa dan juga nyatakan tarikh kuatkuasa hukuman>

5. Jika tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut, mengikut Peraturan 20, Bahagian II, Jadual Ketiga (Seksyen 6 dan 7), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) tuan/puan boleh, dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian keputusan ini, merayu secara bertulis melalui Ketua Jabatan puan terhadap keputusan itu, kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib A/B/C/D/E. Notis rayuan secara bertulis ini hendaklah membentangkan dengan jelasnya alasan-alasan rayuan tuan/puan. Sila tuan/puan kirimkan rayuan tuan/puan ke Pejabat Perundungan selaku Urusetia Jawatankuasa Rayuan Tatatertib berkenaan.

6. Sila akui penerimaan surat ini.

Yang benar
Nama
(Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib Staf)

s.k.: Naib Canselor
Ombudsman

KEPUTUSAN TATATERTIB PELAJAR

(Jawatankuasa Tatatertib Pelajar hendaklah menghantar kepada pelajar yang dituduh)

Tarikh :

Nama dan alamat :

No. Matrik :

KEPUTUSAN PERBICARAAN DI HADAPAN JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR (KES-KES AKADEMIK)

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib Pelajar-Pelajar (kes-kes Akademik) Universiti Sains Malaysia telah bersidang pada XXXX bagi mendengar kes terhadap saudari. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar-Pelajar (Kes-Kes XXX) telah juga mengambil perhatian bahawa saudari telah hadir pada tarikh tersebut di hadapan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar-Pelajar (Kes-Kes XXX) untuk membuat representasi lisan ke atas pertuduhan terhadap saudari.
Bersama-sama ini dilampirkan keputusan tersebut untuk tindakan saudari selanjutnya.

3. Sekiranya saudari tidak berpuas hati dengan **KEPUTUSAN** tersebut, saudari **boleh**, menurut subseksyen 16B(4) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 mengemukakan rayuan **secara bertulis** terhadap keputusan tersebut dalam **dua (2) salinan** dengan menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan tersebut disampaikan kepada saudari ke alamat seperti berikut:-

Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar,

d/a Urusetia Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar,

Pejabat Perundangan, Aras 2,Bangunan E42

Canselor II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

4. Sila akui penerimaan surat ini dengan mengisi dan menandatangani Borang Akuan Terima yang dilampirkan bersama, dan kembalikan .

Sekian.

Yang Benar,

(Nama dan jawatan Urusetia)

selaku

Urusetia Jawatankuasa Tatatertib Pelajar-Pelajar (Kes-kes Akademik)

sk. 1. Naib Canselor

2. Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

3. Dekan,

Pusat Pengajian XXX

4. Ombudsman

5. (Nama dan alamat Majikan)

6. (Nama dan alamat ibu bapa)

7. (Nama dan alamat penaja biasiswa)

LAMPIRAN 14

BORANG ADUAN CIPLAKAN BAGI SISWAZAH MOD PENYELIDIKAN

(Untuk diisi oleh Pemeriksa Tesis dan dihantar kepada Institut Pengajian Siswazah)

PERINCIAN INDIVIDU YANG DITUDUH DAN ADUAN

PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT :

NAMA : :

PERINCIAN ADUAN : :

--	--

KANDUNGAN KESALAHAN (Sila lampirkan bukti):

Bab/ Halaman	Sumber Ciplakan	Bentuk Ciplakan (cth., seluruh ayat/perenggan)

NAMA PENGADU : :

ADAKAH ANDA INGIN DILINDUNGI DI BAWAH AKTA PEMBERI MAKLUMAT?

YA TIDAK (SILA TANDA)

NO. KAD PENGENALAN / PASPORT : :

NOMBOR TELEFON & E-MEL : :

TANDATANGAN : TARIKH :

DEKAN/PENGARAH PTJ PELAJAR TELAH DIBERITAHU

TARIKH: TANDATANGAN:

ADUAN TELAH DISALURKAN KEPADA

TARIKH TANDATANGAN

SENARAI SEMAK CIPLAKAN

Senarai Semak bagi Penyiasatan Karya yang Dituduh Diciplak – Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan

- 1. Salinan aduan bertulis yang dialamatkan kepada Ombudsman.
- 2. Serahan Pengadu jika ada:
 - a. Hasil karya yang berkenaan, ditandai untuk menunjukkan ciplakan yang disyaki.
 - b. Salinan sumber yang juga ditandai.
 - c. Sumbangan hasil karya itu kepada penilaian keseluruhan kursus pelajar atau usaha kerja staf berkenaan.
- 3. Rekod lepas individu yang dituduh jika ada di pejabat CDAE.
- 4. Fail pelajar/staf.

Salah Laku Akademik (<i>Academic Misconduct</i>)	Salah atribusi data, mencuri idea atau Ciplakan secara langsung, gangguan sengaja dan kegagalan untuk bertindak dengan integriti dalam penciptaan, pembangunan, aplikasi dan penggunaan idea dan maklumat berhubung dengan hasil karya orang lain.
Salah atribusi (<i>Misattribution</i>)	Mengatribusi data sebagai milik sendiri oleh seseorang tanpa memberi perakuan yang sewajarnya kepada sumber lain.
Penggunaan secara adil (<i>Fair use</i>)	Kekecualian dalam undang-undang hak cipta yang membenarkan penggunaan bahan berhak cipta sebelum mendapat kebenaran, dengan syarat penggunaan itu adil. Untuk menentukan sama ada penggunaan sesuatu bahan berhak cipta dalam sesuatu kes tertentu itu merupakan penggunaan secara adil, maka empat faktor berikut harus dipertimbangkan: <ol style="list-style-type: none"> 1. tujuan dan ciri penggunaan, termasuk sama ada penggunaan sedemikian itu bersifat komersial atau untuk pendidikan tanpa keuntungan; 2. sifat bahan berhak cipta tersebut; 3. amaun dan banyaknya bahagian yang digunakan berbanding dengan jumlah bahan berhak cipta itu pada keseluruhannya; dan 4. kesan penggunaan tersebut terhadap potensi pasarannya atau nilai bahan berhak cipta itu. Hakikat bahawa sesuatu bahan itu tidak diterbitkan, tidaklah dengan sendiri mengecualikannya daripada syarat penggunaan secara adil dengan syarat ia dibuat dengan pertimbangan keempat-empat faktor yang disebutkan itu.
Amalan akademik yang baik (<i>Good academic practice</i>)	Proses melengkapkan sebuah karya akademik secara bebas, jujur dan dalam gaya akademik yang sesuai, menggunakan perujukan yang baik dan memberi penghargaan kepada kesemua sumber anda. Untuk mencapai amalan akademik yang baik, anda perlu: <ol style="list-style-type: none"> 1. membuat penilaian bebas tentang isu-isu akademik, 2. mengambil ilmu daripada penyelidikan ahli-ahli akademik dalam bidang pengajian anda, 3. membincangkan dan menilai konsep dan teori yang sedia ada, 4. menunjukkan kefahaman anda terhadap karya penting, 5. membina hujah anda sendiri, 6. tidak melakukan duplikasi tahap rendah tanpa kutipan yang dibuat kerana kecuaian atau salah faham.

Ciplakan (<i>Ciplakan</i>)	Dengan niat/sengaja membentangkan, menyalin, memparafrasakan atau menyebarkan idea, proses, karya, kata-kata orang lain atau sumber-sumber lain tanpa memberi penghargaan atau ucapan jasa yang seujarnya kepada sumber asalnya.
Ciplakan tak sengaja (<i>Unintentional ciplakan</i>)	Berlaku apabila seseorang tanpa niat/tanpa sedar menggunakan, membentang idea, proses, karya, kata-kata orang lain atau sumber-sumber lain sebagai miliknya sendiri tanpa memberi penghargaan atau ucapan jasa yang seujarnya kepada sumber asalnya.
Perujukan salah (<i>Poor referencing</i>)	Pengguguran dengan sengaja/tidak sengaja sumber-sumber rujukan dari mana-mana idea lain yang telah dibincangkan dengan jelas; pengguguran tak sengaja rujukan laman sesawang/nombor halaman; kegagalan untuk menyebut sumber petikan verbatim yang dibuat dalam tanda petikan.
Sumber kualiti yang lemah (<i>Poor quality source</i>)	Sumber yang dipetik daripada bahan yang diragui atau bukan kajian semula setara seperti laman sesawang dan karya-karya yang tak diterbitkan.
Terjemahan dua kali (<i>Double translation</i>)	Terjemahan sengaja sesuatu karya/bahan daripada satu bahasa kepada bahasa lain dan balik kepada bahasa asalnya dengan niat akhirnya untuk menggambarkan bahawa versi terjemahan yang terakhir itu sebagai satu karya yang berbeza daripada sumbernya yang asal.
Pengetahuan umum (<i>Common knowledge</i>)	Sebarang artikel/karya/bahan yang diterbitkan dalam domain awam (surat khabar, majalah, laman sesawang, surat berita, dan lain-lain) yang pengguna diberikan capaian secara bebas.

**Institut Pengajian Siswazah
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang**

**Pejabat Perundangan
Universiti Sains Malaysia
Aras 2, Canselori II
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang**

**Pejabat Ombudsman
Universiti Sains Malaysia
Suite 141, Kompleks Eureka
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

POLICY ON PLAGIARISM

1. INTRODUCTION

